

Bil. S 67

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLINDUNGAN DEPOSIT (PINDAAN) (BIL. 2), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 26 dari S 110/2010.
 3. Pindaan bab 34.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLINDUNGAN DEPOSIT (PINDAAN) (BIL. 2), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlindungan Deposit (Pindaan) (Bil. 2), 2012 dan hendaklah dianggap mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan September, 2012.

Pindaan bab 26 dari S 110/2010.

2. Bab 26 dari Perintah Perlindungan Deposit, 2010, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam takrifan “deposit”, dalam perenggan (a), dengan memotong “on-member” dan menggantikannya dengan “non-member”.

Pindaan bab 34.

3. Bab 34 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan ceraihan (4) dan menggantikannya dengan ceraihan baru yang berikut —

“(4) Mana-mana institusi ahli yang gagal mematuhi apa-apa kehendak penyelenggaraan aset Perbadanan di bawah ceraihan (1) hendaklah bertanggung untuk membayar, apabila diminta berbuat demikian oleh Perbadanan, bagi mana-mana hari atau sebahagiannya dari kegagalan itu, suatu penalti kewangan yang ditentukan menurut formula yang berikut —

$$A \times r \times \frac{1}{365}$$

Di mana A adalah kekurangan amaun aset yang diperlukan bagi institusi ahli untuk mematuhi kehendak penyelenggaraan aset Perbadanan di bawah bab 34(4) untuk hari itu; dan

r adalah suatu peratusan iaitu 10 peratus campur Kadar Tawaran Antara Bank Singapura untuk 3 bulan dalam Ringgit Singapura (dinyatakan sebagai suatu peratusan) untuk hari itu, sebagaimana yang ditentukan oleh Persatuan Bank-Bank di Singapura.”.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 9 haribulan Oktober, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM